

NOTIS TENDER

Southern Catalyst Sdn. Bhd. (SOCAT) dengan ini menjemput kontraktor yang berkelayakan ("Petender") untuk menyertai tender bagi kerja seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

TAJUK DAN NOMBOR TENDER	KEPERLUAN PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TENDER	PENDAFTARAN TENDER
CADANGAN PEMBANGUNAN SEBUAH BANGUNAN SEMENTARA 1 1/2 TINGKAT YANG MENGANDUNGI: GALERI JUALAN DAN PEJABAT OPERASI PEMBANGUNAN BESERTA KEMUDAHAN SURAU, TANDAS, 4 UNIT RUANG NIAGA DAN KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PTD 59859 (LOT ASAL 2475), MUKIM SEDENAK, DAERAH KULAI, JOHOR DARUL TA'ZIM UNTUK SOUTHERN CATALYST SDN BHD ("WORKS") TENDER NO.: SOCAT/2025/TEN/SG-LAM/001	Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) yang sah daripada CIDB CIDB Gred: G7 Kategori: B04, B07, CE21	RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) Melalui pindahan wang secara dalam talian Dibayar kepada: Southern Catalyst Sdn Bhd 196001000015 (3687-P)	Untuk menyertai tender ini, semua Petender yang berminat hendaklah mendaftar melalui borang dalam talian yang boleh diperoleh daripada mana-mana pautan di bawah bermula 8 Ogos 2025: 1. Laman web SOCAT http://www.socat.my dan 2. Mengimbas Kod QR yang disediakan 

Petender hendaklah memenuhi keperluan **WAJIB** berikut untuk menyertai tender ini:

KRITERIA TEKNIKAL WAJIB

Petender telah berjaya menyiapkan sekurang-kurangnya dua (2) projek yang berkaitan melibatkan pembinaan galeri jualan atau bangunan komersial lengkap dengan kerja-kerja hiasan dalaman dengan nilai kontrak minimum **RM7 juta** dalam tempoh **lima (5) tahun** yang lalu.

Tarikh serahan tender adalah pada Isnin, **8 September 2025** tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari. Sebarang penyerahan lewat akan ditolak.

Nota:

1. Butiran taklimat tender hanya akan diberikan kepada Petender yang telah mendaftar melalui borang dalam talian yang disediakan
2. Dokumen tender boleh dibeli melalui pindahan wang secara dalam talian kepada Southern Catalyst Sdn. Bhd. dan kos pembelian tender tidak akan dikembalikan. Akses hanya akan diberikan kepada Petender yang menghantar pendaftaran lengkap berserta semua dokumen yang diperlukan.
3. SOCAT berhak untuk menerima atau menolak sebarang penyerahan daripada mana-mana Petender tanpa menyatakan sebarang alasan penolakan. SOCAT tidak akan menanggung sebarang liabiliti terhadap Petender yang penyerahannya ditolak.
4. Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui e-mel ke procurement@socat.my atau layari laman web di www.socat.my untuk maklumat lanjut.